

**NO. SOALAN: 114**

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEDUA,  
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

---

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : TUAN SHAHARIZUKIRNAIN BIN ABD. KADIR  
[ SETIU ]**

**TARIKH : 03 JULAI 2019 (RABU)**

**SOALAN NO. 114**

Minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan adakah Kementerian bercadang untuk mengurangkan yuran pengajian pelajar-pelajar IPT bagi mengurangkan jumlah pinjaman PTPTN dan apakah faktor utama pelajar tidak dapat menjelaskan pinjaman PTPTN

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, yuran yang dikenakan oleh Universiti Awam (UA) di Malaysia adalah jauh lebih rendah berbanding dengan yuran yang dikenakan oleh UA di rantau ini. Perbandingan ini jelas melalui yuran Kursus Sarjana Muda Perubatan di Universiti Malaya (UM) yang berjumlah RM451,929.00 bagi keseluruhan 10 semester berbanding kursus yang sama di *National University of Singapore* (NUS) yang berjumlah SGD154,800.00/RM473,424.84 hanya bagi dua (2) semester. Untuk makluman, daripada jumlah keseluruhan RM451,929.00 ini, pelajar perubatan di UM hanya membayar sejumlah RM10,768.00 (2.38 peratus sahaja) bagi kursus ini dan selebihnya RM441,161.00 ditanggung oleh Kerajaan.

Jelas di sini, yuran yang dibayar oleh pelajar di UM adalah amat murah berbanding dengan NUS. Hampir 90 peratus daripada kos pendidikan di UA dibiayai oleh Kerajaan dan pendidikan tinggi di Malaysia juga hampir percuma dengan penyediaan kemudahan pembiayaan kewangan kepada pelajar seperti kemudahan biasiswa dan pinjaman PTPTN serta pemberian bantuan kewangan kepada pelajar pengajian asasi di UA yang berjumlah RM31,053,800.00 bagi tahun 2018.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat juga, buat masa ini Kementerian belum bercadang untuk menyemak semula yuran pengajian di politeknik dan kolej komuniti kerana kadar yuran pengajian semasa adalah sebanyak RM200.00 untuk satu semester (sekitar RM1.33 sehari). Ianya merupakan antara kadar yuran pengajian yang terendah di negara kita. Kadar ini dianggap amat munasabah dan tidak membebankan pelajar untuk meneruskan pengajian ke peringkat lebih tinggi.

## **NO. SOALAN: 114**

Walau bagaimanapun, cadangan penyeragaman yuran pengajian dan pemberian elauan saku kepada pelajar TVET di semua kementerian berkaitan TVET akan diselaraskan dengan mengambil kira syor dan laporan yang akan dikemukakan oleh Jawantankuasa Pemerkasaan TVET selepas Julai 2019. Bermula tahun 2017, Kementerian juga telah menyediakan biasiswa kepada 100 orang pelajar cemerlang politeknik yang layak untuk menyambung pengajian di peringkat ijazah di Universiti Awam (UA) dalam bidang TVET.

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, PTPTN tiada data kajian khusus mengenai faktor/ sebab peminjam tidak dapat membayar balik pinjaman PTPTN. Walau bagaimanapun, berdasarkan maklum balas peminjam, antara faktor utama adalah:

1. Peminjam masih meneruskan pengajian ke peringkat lebih tinggi;
2. Peminjam masih menganggur (belum memperoleh pekerjaan);
3. Peminjam telah bekerja tetapi memperolehi pendapatan kecil yang tidak setimpal dengan kelulusan; dan
4. Sikap peminjam sendiri yang tidak endah untuk membuat bayaran balik. Perkara ini dibuktikan apabila sebahagian peminjam yang sebenarnya telah bekerja dan memperoleh pendapatan yang baik hanya mula datang berunding untuk memulakan bayaran balik selepas tindakan penguatkuasaan diambil.

Sekian, terima kasih.

RJM 23